

PENINGKATAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN PPSMI: CABARAN DAN PERANAN PENGURUS SEKOLAH

Zaidi Yazid
Pusat Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pelajaran Malaysia

ABSTRAK

Wujud pelbagai tahap pencapaian serta keberkesanan dalam pelaksanaan PPSMI di sekolah. Perbezaan pencapaian antara sekolah menjadi semakin ketara. Tindakan penambahbaikan perlu dibuat kearah mengatasi setiap kelemahan dengan mengenal pasti punca sebenar kelemahan. Namun begitu, keupayaan sesuatu sekolah meningkatkan keberkesanan PPSMI tetap bergantung kepada sejauh mana Pengurusan Sekolah memberi penekanan kepada aspek pelaksanaan pengajaran di bilik darjah. Kertas ini membincangkan beberapa punca kelemahan dan tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan serta peranan pengurus kurikulum di setiap peringkat dalam menjanakan keberkesanan PPSMI

Pengenalan

Pelaksanaan Pengajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) diperkenalkan di semua sekolah pada 2003 bermula dengan Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Rendah. Dengan perubahan ini, bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar untuk mata pelajaran sains dan matematik termasuk mata pelajaran teknikal dan teknologi maklumat.

Keputusan dasar juga dibuat untuk melaksanakan Peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM dalam dwibahasa dari tahun 2003 hingga 2007. Pelajar boleh menjawab sebahagian atau keseluruhan peperiksaan dalam bahasa Inggeris atau bahasa pengantar. Bermula pada 2008, semua peperiksaan ini dijalankan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Keputusan ini dibuat agar murid tidak teranaiya disebabkan oleh masalah kemahiran bahasa Inggeris.

Rasional tentang mengapa kerajaan melakukan perubahan besar dalam sistem pendidikan ini perlu dilihat dari aspek tanggungjawab kerajaan dalam pembangunan negara dan kebolehan bersaing dalam era globalisasi. Hasrat kerajaan adalah membangunkan tenaga manusia yang mampu menguasai bidang sains dan teknologi di tahap tinggi, seterusnya berupaya pula menjana ilmu dan teknologi baru dalam bidang-bidang tersebut di masa akan datang, dan sekaligus menyumbang kepada himpunan harta intelektual negara dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan ini. Secara tidak langsung, dasar ini; juga akan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris guru dan murid.

Perubahan ini juga membawa bersama banyak cabaran baru kepada guru dan murid, di samping menimbulkan kebimbangan kepada pelbagai pihak termasuk pengurus sekolah, guru dan ibu bapa. Ia memerlukan, antaranya, guru yang fasih dalam bahasa Inggeris untuk menyampaikan pelajaran, untuk berinteraksi dengan murid serta melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang menarik dan berkesan di bilik darjah.

Berasaskan dapatan kajian, pemantauan dan bimbingan yang dijalankan oleh KPM, umumnya wujud pelbagai tahap pelaksanaan serta pencapaian di sekolah. Terdapat sekolah, termasuk sekolah di luar bandar yang menunjukkan kemajuan. Ini boleh dilihat dari segi peningkatan profisiensi serta bahasa Inggeris di kalangan guru dan murid, kemahiran leT serta mengaplikasikan bahan dari pelbagai sumber. Pencapaian murid dalam sains dan matematik juga di tahap yang memuaskan, manakala mereka menunjukkan pencapaian bahasa Inggeris yang meningkat.

Di sebalik itu terdapat juga beberapa kelemahan serta masalah secara terpencil. Sebahagian besar kekangan ini telah dapat diselesaikan oleh sekolah atau melalui bantuan PPD dan JPN. Namun begitu terdapat juga sekolah yang terus berdepan dengan pelbagai halangan yang boleh menghalang keberkesanan PPSMI.

Dua kelemahan yang masih wujud di sebahagian sesi p&p ialah penggunaan bahasa Inggeris yang sepenuhnya di bilik darjah oleh guru dan perinteraksian murid dalam bahasa Inggeris. Beberapa alasan atau punca masalah diberikan oleh sekolah-sekolah yang berkenaan seperti kemahiran bahasa Inggeris, sikap serta latar belakang murid dan ibu bapa serta kedudukan sekolah.

Kelemahan ini sememangnya telah dijangka terutamanya semasa di peringkat awal. Cabaran utama ialah supaya murid memahami kandungan pelajaran sains dan matematik. Untuk mencapai matlamat, pelaksanaan dasar PPSMI perlu dibuat sepenuhnya. Setiap kelemahan serta punca kelemahan perlu dikesan, diselesaikan dan penambahbaikan dibuat.

Dapatan daripada pelbagai kajian dan pemantauan menunjukkan bahawa pengurus sekolah menjadi penentu kepada tahap kemajuan pencapaian di sekolah. Pengurusan yang berkesan menjadi penggerak utama kepada peningkatan bahasa Inggeris guru serta keberkesanan p&p. Kertas ini membincangkan beberapa kelemahan yang wujud, cabaran serta mencadangkan beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pengurus sekolah.

Strategi dan Status Pelaksanaan

Bagi memastikan dasar baru ini dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil langkah memberi bantuan dan sokongan yang menyeluruh untuk membantu guru dan murid. Antaranya ialah pelaksanaan latihan, pembekalan peralatan leT serta penyediaan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran. Bayaran insentif diberikan kepada guru sains, matematik dan bahasa Inggeris bagi

mendorong mereka meningkatkan diri, peranan serta melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam menghadapi cabaran dan perubahan.

Penerangan diberikan kepada pengurus sekolah, guru dan pihak-pihak berkepentingan untuk menjelaskan tentang dasar, strategi serta kaedah untuk memastikan dasar ini dilaksanakan dengan berkesan. KPM juga menjalankan pemantauan dan bimbingan serta beberapa kajian. Ini bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang status pelaksanaan serta untuk mengenalpasti tahap pencapaian dan kelemahan. Ia turut bertujuan untuk memberi bimbingan kepada guru bagi membaiki mana-mana kelemahan.

Pada masa ini PPSMI telah selesai tahun yang keempat dengan pelaksanaan di Tahun 1 hingga Tahun 4, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4, Tingkatan 6 dan Program Matrikulasi. Sekolah-sekolah telah dapat melaksanakan dasar ini di setiap peringkat yang berkenaan mengikut jadual yang ditetapkan. Dari segi persediaan, semua bentuk bantuan seperti latihan, peralatan ICT, buku teks, buku bacaan tambahan, perisian dan sebagainya telah dilaksanakan dan dibekalkan untuk guru-guru dan murid berkenaan. Bantuan ini masih diteruskan untuk memenuhi keperluan peringkat yang lebih tinggi.

Namun begitu, KPM berpandangan bahawa bantuan yang sedia ada ini belum memadai dan tidak boleh menjamin keberkesanan pengajaran dalam bahasa Inggeris. Pada peringkat transisi khususnya, guru-guru dan murid dijangka berhadapan dengan beberapa masalah yang berlainan.

Oleh yang demikian KPM terus mengenalpasti aspek-aspek kelemahan dan membuat beberapa penambahbaikan. Dalam merangka strategi penambahbaikan ini, beberapa perkara perlu diambil kira. Pertama, punca utama yang menyumbang kepada setiap kelemahan perlu dikenalpasti dengan berpandukan data kajian dan pemantauan. Kedua, KPM perlu mengelakkan dari menambah program baru, sebaliknya mematapkan pelaksanaan inisiatif yang sedia ada. Ketiga ialah memberi lebih tanggungjawab (ownership) kepada sekolah untuk melaksana inisiatif sendiri.

Bagi membantu pengurus sekolah merangka tindakan peringkat sekolah, KPM telah menyediakan satu Pelan Strategik Peningkatan PPSMI untuk dijadikan rujukan. Pelan mengandungi 8 strategi menyeluruh dengan beberapa contoh tindakan atau aktiviti yang boleh digunakan oleh sekolah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan sedia ada di sekolah.

Pada tahun 2005 dan 2006 juga beberapa tindakan intervensi dijalankan oleh KPM. Antara tindakan tersebut ialah seperti Ujian Diagnostik dan kelas p&p terancang, program bahasa Inggeris selepas UPSR dan PMR, Orientasi bahasa Inggeris Tingkatan 1, pembekalan buku glosari dan Pelaksanaan Separa. Semua inisiatif dibuat untuk memastikan pencapaian murid dipertingkatkan

Cabaran, Tindakan dan Peranan Pengurus

Walaupun pelaksanaan PPSMI berjalan lancar dengan beberapa kelemahan terencil, kebimbangan tetap timbul sekiranya kelemahan ini berlarutan, dan matlamat pelaksanaan PPSMI tidak tercapai. Anggapan bahawa halangan berkurangan tidak benar kerana cabaran lebih besar bakal dihadapi dalam pelaksanaan PPSMI apabila kandungan mata pelajaran menjadi semakin sukar. Bagi sebilangan murid yang menghadapi masalah di peringkat rendah, masalah yang dihadapi pada masa akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, penambahbaikan dan pemulihan setiap aspek perlu dimulakan dari sekarang supaya tidak menimbulkan kesan berganda.

Walaupun sasaran penambahbaikan dan pemulihan adalah guru dan murid, pengurus sekolah dan lain-lain organisasi berkepentingan adalah kritikal dalam menggerakkan penambahbaikan serta pemulihan pada aspek-aspek yang dibincangkan berikut:

Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris Guru

Pada masa ini masih terdapat sebahagian guru yang kurang keyakinan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya di bilik darjah walaupun mereka telah menghadiri kursus ETeMS. Antaranya disebabkan oleh kompetensi guru untuk menyampaikan kandungan pelajaran dalam bahasa Inggeris, kebimbangan guru terhadap kefahaman murid, penguasaan bahasa Inggeris murid serta kerisauan guru terhadap keupayaan mereka menghabiskan sukatan.

Oleh itu, langkah yang diambil oleh guru adalah menggunakan dwi bahasa atau mengulangi pelajaran dalam bahasa Melayu. Langkah ini akan terus melambatkan usaha meningkatkan kompetensi bahasa Inggeris guru dan murid, serta keupayaan guru dan murid menggunakan bahan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Langkah ini juga menganiyai murid sekiranya penilaian pencapaian mereka dibuat dalam bahasa Inggeris.

Salah faham timbul apabila guru hanya bergantung semata-mata kepada kursus bahasa Inggeris untuk meningkatkan kompetensi mereka. Sebaliknya usaha oleh guru berkenaan lebih diperlukan untuk terus meningkatkan bahasa Inggeris melalui inisiatif sendiri dan amalan. Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) yang diberikan harus digunakan oleh guru untuk meningkatkan bahasa Inggeris mereka.

Di samping itu, Program Sistem Taulan di sekolah perlu dimunafaatkan sepenuhnya. Dapatan kajian dan pemantauan menunjukkan program ini sekiranya dijalankan adalah paling berkesan dalam meningkatkan kompetensi guru. Pelbagai bentuk bahan sokongan untuk guru seperti buku glosari sains dan matematik, buku skrip pengajaran dalam bahasa Inggeris, pakej pembelajaran bahasa Inggeris serta teaching courseware juga boleh membantu guru meningkatkan bahasa Inggeris secara sendiri dan berterusan.

Dalam aspek ini, pengurus sekolah seharusnya *memberi* penekanan dan bimbingan kepada

guru untuk memastikan guru menggunakan bahasa Inggeris di bilik darjah, menggunakan bahan-bahan yang dibekalkan, serta memastikan Program Sistem Taulan benar-benar berjalan di sekolah. Antara langkah yang perlu ada dalam perancangan strategik sekolah dan dilaksanakan sepenuhnya oleh pengurus ialah seperti pencerapan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, pemantauan pelaksanaan sistem taulan serta pemantauan penggunaan bahan sokongan bahasa Inggeris oleh guru.

Pengurus sekolah perlu mengenalpasti guru yang belum mampu menyampaikan pelajaran dalam bahasa Inggeris, dan seterusnya melaksanakan tindakan khas untuk guru berkenaan. Bagi kumpulan guru ini, antara tindakan yang boleh dibuat oleh pengurus sekolah adalah memastikan guru-guru berkenaan:

- menggunakan teaching courseware dalam p&p atau membuat persediaan,
- menghadiri kursus bahasa Inggeris,
- berjumpa secara formal dengan guru bahasa Inggeris, dan
- dicerap secara lebih kerap pengurus atau panitia.

Di peringkat KPM, KPM turut akan mengambil langkah berikut bermula pada 2007 secara seiring dengan sekolah bagi terus membantu guru berkenaan. Guru-guru akan diminta mengambil ujian khas bahasa Inggeris untuk pengajaran sains dan *matematik*, seterusnya guru-guru yang gagal mencapai satu tahap minima akan diminta menghadiri kursus intensif bahasa Inggeris sehingga mencapai tahap yang diperlukan.

Peningkatan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Dapatan kajian keperluan PPSMI (PPK, 2006) memberi gambaran bahawa faktor pedagogi iaitu bahasa penyampaian, kaedah penyampaian, aktiviti dan penggunaan bahan dalam pengajaran perlu diberikan lebih perhatian. Kajian tersebut menunjukkan bahawa guru-guru yang fasih menggunakan bahasa Inggeris memudahkan penyampaian guru, namun begitu ia tidak menjamin keberkesannya. Ini kerana guru sering bertutur dengan sebutan lancar dan laju tanpa menyedari bahawa murid tidak dapat memahami apa yang diajar. Fahaman guru ialah murid menghadapi masalah bahasa untuk mengikuti pelajaran dalam bahasa Inggeris.

Dalam hal ini, pengurus sekolah perlu memainkan peranan dalam membuat penambahbaikan kepada kaedah pengajaran guru. Ini kerana punca sebenar masalah ialah bahasa penyampaian "guru serta kaedah yang digunakan (PPK, 2006). Guru perlu mengubah corak penyampaian nota, soalan atau arahan dengan menggunakan perkataan yang mudah difahami, ayat yang ringkas serta diiringi dengan contoh, gambar, tulisan dan aksi. Untuk mendalami perkara ini, pencerapan perlu dibuat di bilik darjah oleh pengurus atau panitia sekolah serta melihat secara kritikal tindakan pemulihan yang diperlukan.

Bagi membantu guru-guru meningkatkan kemahiran berkenaan, mana-mana tindakan berikut

perlu dibuat. Antaranya ialah memastikan guru berkenaan:

- mengikuti kursus peningkatan profesionalisme aspek pedagogi,
- mengadakan kolaborasi p&p bersama guru lain,
- membuat pencerapan dan penilaian secara sendiri
- dicerap secara lebih kerap oleh Ketua Bidang atau Panitia,
- menggunakan teaching courseware

Peningkatan Bahasa Inggeris Murid

KPM akan terus membekalkan buku-buku bacaan dalam bahasa Inggeris di Pusat Sumber, serta buku-buku khas di bawah Program Peluasan Bahasa Inggeris. Buku-buku bahasa Inggeris untuk bacaan awal di Tahap 1 dan buku sastera kontemporari Tahap 2 dapat membantu membina minat serta kemahiran bahasa Inggeris bermula dari sekolah rendah. Pelbagai program sedia ada seperti English for Science Technology, Native Speakers Programme, Teaching Courseware dan Teaching of Speaking adalah untuk meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris murid.

Di samping itu, KPM turut mengarahkan pelaksanaan beberapa aktiviti sokongan di bawah Program Intervensi PPSMI untuk membantu murid meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, iaitu:

- Program Orientasi Bahasa Inggeris untuk pembelajaran sains dan matematik (OPSME) di awal Tingkatan 1
- "Science and Mathematics English Readiness Program" (SMERP" selepas UPSR
- Program Bahasa Inggeris selepas PMR

Modul serta latihan telah diberikan kepada sekolah untuk menjayakan setiap aktiviti berkenaan. Bagaimanapun semua inisiatif di atas hanya akan memberi impak sekiranya ia dilaksanakan dengan bersungguh dan berkes-m. Oleh itu pengurus sekolah perlu memainkan peranan untuk merancang, melaksana serta memantau setiap aktiviti tersebut di peringkat sekolah.

Pemantapan pelaksanaan waktu pengajaran

Kandungan dalam huraian sukatan pelajaran sekolah di negara ini mengambil kira jumlah waktu dalam kalendar persekolahan. Sangkaan bahawa kandungan kurikulum terlalu padat akan timbul sekiranya kekerapan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam jadual waktu

'tidak dapat dilaksanakan atas pelbagai masalah. Untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh yang singkat, guru-guru mengajar dengan laju atau secara sepintas lalu. Amalan ini menjadi antara penyebab mengapa usaha untuk menanam kemahiran dan nilai murni sukar diserapkan dalam pembelajaran.

Untuk mengatasi kelemahan ini, pengurus sekolah perlu memastikan bahawa proses pengajaran dalam jadual waktu yang merupakan tugas utama guru dijalankan sepenuhnya. Guru-guru perlu hadir ke kelas serta melaksanakan tugas pengajaran mengikut masa yang ditetapkan. Alasan faktor guru menghadiri kursus atau menghadiri pelbagai mesyuarat perlu dikurangkan. Oleh itu rancangan perlu dibuat untuk melaksanakan mesyuarat atau kursus di luar waktu sekolah.

Sekiranya ketiadaan guru atau guru ganti atas alasan munasabah, strategi perlu disediakan awal supaya murid masih boleh terus belajar tanpa kehadiran guru. Pembekalan pelbagai bahan bantu pembelajaran serta kemudahan teknologi maklumat yang sedia ada perlu dimanfaatkan untuk pembelajaran murid secara sendiri. Pengurus sekolah juga perlu memastikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan sepenuhnya hingga hari terakhir dalam kalendar persekolahan. Amalan 'kelas aktiviti bebas' dalam 2 hingga 3 minggu selepas musim peperiksaan bukan sahaja membazir, malah turut mendorong murid untuk tidak hadir ke sekolah.

Pemulihan murid dari awal

Terdapat dua perubahan yang perlu dibuat dalam program peningkatan pencapaian murid. Pertama ialah inisiatif untuk mengenalpasti aspek kelemahan murid serta memulihkan murid. Walaupun banyak ujian dibuat oleh guru di sekolah, penilaian-penilaian ini lebih tertumpu kepada pencapaian murid. Sebaliknya aspek kelemahan setiap orang murid kurang dikenalpasti oleh guru. Manakala pemulihan yang dibuat sekolah adalah dalam bentuk latih tubi, soalan peperiksaan dan teknik menjawab soalan. Oleh itu kelemahan sebenar murid berkenaan tidak diperbaiki. Kedua ialah pemulihan perlu dibuat bermula dari peringkat awal dan bukan tertumpu semata-mata di kelas peperiksaan.

Bagi membantu guru memulihkan murid, KPM telah menyediakan instrumen untuk guru mengendalikan ujian diagnostik di sekolah. Guru bagaimanapun diminta membuat analisis kertas jawapan murid, seterusnya melaksanakan pemulihan melalui kelas intensif terancang berasaskan dapatan analisis tersebut. Pengurus sekolah bertanggungjawab untuk memastikan dapatan ujian diagnostik tersebut digunakan, dan kelas intensif terancang ini benar-benar dijalankan.

Untuk itu, tindakan berikut perlu dibuat oleh pengurus sekolah, iaitu:

- memastikan Program Peningkatan Akademik Sekolah dalam Pelan Strategik sekolah mengandungi elemen pefaksanaan ujian diagnostik (UD) dan kelas

pemulihan terancang yang bermula daripada Tahun 1 dan Tingkatan 1,

- guru-guru melaksanakan UD dan kelas terancang di setiap peringkat dan bukan semata-mata di kelas yang akan menduduki peperiksaan awam.

Rumusan

Tahap kemajuan pelaksanaan PPSMI di sekolah bergantung kepada sejauh mana pihak pengurus sekolah ni mengatur strategi untuk membuat penambahbaikan berterusan khususnya dalam menghadapi cabaran dan mengatasi kelemahan pelaksanaan di bilik darjah. Mereka memainkan peranan utama untuk mengenalpasti setiap cabaran di atas, serta menentukan hala tuju pergerakan dan kemajuan sekolah masing-masing. Dalam hal itu, mereka perlu bersikap positif terhadap dasar ini dan berfikir secara kritikal. Pengurus yang tidak memberi sokongan atau bersifat lemah sudah tentu dapat dikesan melalui tahap kemajuan organisasi masing-masing.

